

# Pelaburan: PM bidas kerajaan negeri suka kenakan syarat

UM 14 SEP 2002

**G**URUN 13 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membidas sikap sesetengah kerajaan negeri yang suka mengenakan pelbagai syarat termasuk meminta saham percuma atau rasuah sehingga menyebabkan para pelabur luar lari dari negara ini.

Menurut Perdana Menteri, tindakan mengenakan pelbagai syarat seperti meminta saham percuma atau rasuah itu menyebabkan pelabur enggan datang ke negeri terbabit malah mereka juga akan mengalihkan pelaburan ke negara lain.

Dr. Mahathir menjelaskan, sebenarnya ramai pelabur luar yang berminat untuk datang melabur di Malaysia tetapi dihalang oleh tindakan kerajaan-kerajaan negeri terbabit.

“Banyak pelabur yang ingin melabur di Malaysia tetapi apabila mereka cuba melabur di sini dan setelah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Pusat, kerajaan negeri pula menetapkan pelbagai syarat termasuk meminta saham percuma dari pelabur.

“Saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri Kedah kerana tidak menimbulkan banyak masalah kepada pelabur,” katanya semasa berucap merasmikan Majlis Pecah Tanah Kilang Pembuatan dan Pemasangan Naza Automotive Manufacturing Sdn. Bhd. di sini, hari ini.

Hadir sama, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Presiden Kia Motors Corporation, Noi Myung Kim; Pengerusi Naza Kia Sdn. Bhd., Tan Sri Abdul Aziz Ismail dan Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Naza, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin.

Kilang yang menelan belanja RM350 juta itu dijangka beroperasi pada tahun

2004 dan mampu mengeluarkan 60,000 unit pelbagai jenis kenderaan.

Perdana Menteri berharap tindakan mengenakan pelbagai syarat atau meminta rasuah dari pelabur dapat dielakkan pada masa akan datang kerana ia boleh menjejaskan kemajuan negara.

Dr. Mahathir juga menyatakan rasa kecewa terhadap sikap peniaga bumiputera yang hanya mahukan keuntungan cepat, tetapi malas berusaha.

Beliau berkata, sikap peniaga sedemikian menyebabkan usaha kerajaan untuk memastikan golongan bumiputera mencapai sasaran 30 peratus dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) tidak tercapai.

Perdana Menteri memberitahu, sebaliknya golongan peniaga bumiputera ini lebih suka meniagakan permit import (AP) atau kontrak yang diberikan oleh kerajaan kepada orang lain sehingga menyebabkan mereka terus merana.

“Mereka sebenarnya adalah peniaga AP dan peniaga kontrak, bukan peniaga yang sebenarnya.

“Kalau mereka teruskan sikap macam ini sampai bila pun kita tidak akan dapat mencapai Dasar Ekonomi Baru sebanyak 30 peratus dari perniagaan dan kekayaan.

“Saya minta tabiat ini dihapuskan. Ini tidak mendatangkan manfaat kepada kita dan sebaliknya hendaklah mereka bersusah sedikit dan membuat perniagaan walaupun kadang-kadang mungkin rugi,” jelas beliau.

Dr. Mahathir menegaskan, sekiranya peniaga bumiputera berusaha dan tidak melakukan penyelewengan atau salah guna modal, beliau yakin mereka akan berjaya.

Sebagai contoh kata Perdana Menteri, “Tan Sri Nasimuddin adalah contoh

(peniaga) Bumiputera yang tidak menyalahgunakan (AP).”

“Sebenarnya saya amat kecewa kerana dari beribu-ribu yang mendapat AP

tidak ramai yang berniaga. Kalau berniaga pun mereka bersikap sebagai tauke, tidak mahu bekerja di tempat mereka.

“Mereka cuma meletakkan atau mencari rakan lain yang bukan bumiputera dan mereka itu yang menjalankan urusan sementara peniaga bumiputera ini menjadi tauke besar duduk di rumah,” jelas Dr. Mahathir.